

FREQUENTLY ASKED QUESTION – COMPANIES / SOALAN LAZIM – SYARIKAT**DURING APPLICATION/ SEMASA PERMOHONAN****1. Is my company eligible for this programme?**

Adakah syarikat saya layak untuk program ini?

If your company falls under the 5 key sectors **AND** is active in hiring **OR** investing and expanding in NCER **OR** has successfully participated in NCIA programmes previously, then your company is eligible to apply. The 5 sectors are :

- Electrical & Electronics (E&E)
- High End Manufacturing
- Medical Devices
- Global Business Services
- Smart Farming

*Sekiranya syarikat anda termasuk dalam 5 sektor utama **DAN** aktif dalam pengambilan pekerja **ATAU** syarikat akan melabur dan mengembang di NCER **ATAU** pernah terlibat dalam program NCIA sebelum ini dengan jayanya, maka syarikat anda layak untuk memohon. 5 sektor tersebut adalah:*

- *Elektrik & Elektronik (E&E)*
- *Pembuatan Berteknologi Tinggi*
- *Peranti Perubatan*
- *Ekonomi Digital*
- *Pertanian Pintar*

**2. My company is operating in Kuala Lumpur, can we participate in this programme?
*Syarikat saya beroperasi di Kuala Lumpur, bolehkan syarikat kami mengambil bahagian di dalam program ini?***

Only companies investing and expanding in **NCER** (Perak, Penang, Kedah, Perlis) are entitled to participate.

*Hanya syarikat yang akan melabur dan mengembang di **NCER** (Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis) layak untuk mengambil bahagian.*

3. What are the minimum and maximum number of participants that I can apply for in this programme?

Berapakah bilangan minimum dan maksimum peserta yang boleh saya mohon untuk program ini?

Minimum 5 participants & Maximum 50 participants per company.

Minimum 5 orang & maksimum 50 orang peserta bagi setiap syarikat.

4. What is the application process?

Apakah proses permohonan?

You need to click on “Register a new account”, fill-in your valid email address and password before clicking “SUBMIT”. You will receive an email notification from the System to activate your Account. You can log-in to the system and start to fill-in your application.

Anda perlu klik "Daftar akaun baru", isikan alamat e-mel dan kata laluan anda yang sah, kemudian klik "HANTAR". Anda akan menerima notifikasi e-mel dari Sistem NCER untuk mengaktifkan Akaun anda. Kemudian anda boleh log masuk ke dalam sistem dan mula mengisi permohonan anda.

5. There are some information requested that are not relevant with my submission, caused me to be unable to proceed to the next section. What should I do?

Terdapat beberapa maklumat yang tidak berkaitan dengan permohonan saya, menyebabkan saya tidak dapat meneruskan ke bahagian seterusnya. Apa yang patut saya buat?

You may key-in Not Applicable (N/A) in the said section.

Anda boleh memasukkan Tidak Berkenaan (N/A) di bahagian berkenaan.

6. I have successfully submitted my application in the system, can I make changes?

Saya telah berjaya menghantar permohonan saya dalam sistem, bolehkah saya membuat perubahan?

No. All information must be verified before clicking the “SUBMIT” button.

Tidak. Semua maklumat mesti disahkan sebelum anda klik butang “SUBMIT”.

7. How long does it take for my application to be processed?

Berapa lamakah tempoh masa untuk permohonan saya diproses?

Seven (7) working days from the application date.

Tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan.

8. How do I know the status of my application?

Bagaimanakah saya boleh mengetahui status permohonan saya?

You will receive an email notification from System, after which you will have to log-in to the system and click the “ACCEPT” button. Thereafter, it will direct you to the automatically generated Letter of Approval (LOA). You can save or print the LOA.

Anda akan menerima notifikasi e-mel dari Sistem, yang mana anda perlu log masuk ke sistem dan klik pada butang "TERIMA". Anda akan diarah ke 'Letter of Approval (LOA)' yang akan dijana secara automatik. Anda boleh menyimpan atau mencetak LOA tersebut.

9. When can I start the hiring and disbursement once my application is approved?

Bilakah saya boleh memulakan pengambilan pekerja dan tuntutan bayaran setelah permohonan saya diluluskan?

Effective the date of LOA.

Pada tarikh LOA berkuatkuasa.

10. I have forgotten my password. What should I do?

Saya terlupa kata laluan saya. Apa patut saya lakukan?

Click on “I forgot my password”, enter your registered email address and then you will receive an email notification to reset the password.

Klik pada "I forgot my password", masukkan alamat e-mel berdaftar anda dan anda akan menerima e-mel untuk menetapkan semula kata laluan anda.

DURING IMPLEMENTATION

11. Who will qualify as participants?

Siapakah yang layak menyertai program ini?

Unemployed Graduates and Retrenched Workers. Graduates who are currently working as part time, contract workers, management trainees, graduate trainees and interns or recently retrenched workers can be considered, but must be converted to permanent positions before or upon completion of the six (6) months of engagement.

Lepasan siswazah yang sedang mengganggur, pekerja yang kehilangan pekerjaan, pekerja separuh masa, pekerja kontrak, pelatih pengurusan, pelatih siswazah dan pelatih industri. Syarikat perlu menyerap masuk peserta sebagai pekerja tetap sebelum atau dalam masa enam (6) bulan daripada tempoh pelaksanaan program.

12. Are there any age limits for the participants?

Adakah program ini mempunyai had umur penyertaan?

Not, but the Children and Young Persons (Employment) Act 1966 must be adhered to.

Tidak, tetapi Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 wajib dipatuhi.

13. I cannot find the suitable candidate that meets my expectation. Can I hire foreign workers?

Saya tidak dapat mencari pekerja yang menepati kriteria saya. Bolehkah saya mengambil pekerja asing?

No. This program is for strictly for Malaysians only.

Tidak. Program ini hanya untuk warganegara Malaysia sahaja.

14. Can I hire school leavers without Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)? (e.g. as an Operator)

Bolehkah saya mengambil lepasan sekolah tanpa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)? (contoh sebagai Operator)

Yes, but the participant must be unemployed at the point of job offer. Companies should not pinch workers from other companies.

Boleh, tetapi peserta tersebut mestilah tidak bekerja ketika tawaran pekerjaan. Syarikat tidak boleh mengambil peserta dari syarikat lain.

15. How do I know if my potential candidate is unemployed at the point of job offer, as they might not reveal their actual job status?

Bagaimanakah saya boleh mengetahui sama ada calon tidak bekerja ketika tawaran pekerjaan sekiranya mereka tidak mendedahkan status pekerjaan sebenar mereka?

It can be tracked based on the Employees Provident Fund (EPF) Statement of Contribution. It is the company's obligation to do proper verification and obtain declaration from the candidate.

Status pekerjaan calon boleh disemak melalui Penyata Sumbangan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Namun, adalah tanggungjawab syarikat untuk mendapatkan pengesahan dan deklarasasi yang tepat daripada calon.

- 16. I have previously hired employees that meet the requirement. Can I include them for this programme?**

Saya telah mengambil pekerja yang menepati syarat-syarat peserta program. Bolehkan saya memasukkan mereka di dalam program ini?

Participants who are hired before the programme commenced can be included provided that they are not employed for more than 3 months prior to the LOA commencement date.

Peserta yang diambil bekerja sebelum program dimulakan boleh diserap ke dalam program dengan syarat mereka tidak bekerja lebih dari 3 bulan sebelum tarikh permulaan LOA.

- 17. What is the duration of the hiring period?**

Berapa lamakah tempoh pengambilan pekerja?

Within the 1st month but it must be completed by the third 3rd month.

Dalam tempoh satu (1) bulan, tetapi proses pengambilan pekerja haruslah diselesaikan dalam bulan ke-3.

- 18. Why is the duration of the LOA 18 months, but the participants are only trained for the first 6 months?**

Kenapa tempoh LOA adalah 18 bulan tetapi syarikat perlu melatih pekerja selama enam (6) bulan yang pertama sahaja?

The total 18 months duration is for disbursement and monitoring.

Tempoh masa 18 bulan adalah untuk pembayaran semula dan pemantauan.

- 19. Can the salary/ job title/ number of participants for specific positions be changed?**

Bolehkah gaji/ jawatan/ bilangan peserta ditukar?

Companies **MUST** follow the requirement as stated in the LOA. Companies are advised to ensure correct information is provided during application.

*Syarikat **WAJIB** mematuhi segala syarat yang telah dinyatakan dalam LOA. Syarikat disaran untuk memastikan segala butiran permohonan yang dihantar adalah tepat.*

20. Can the training courses be changed?

Adakah jenis latihan boleh ditukar?

Companies **MUST** follow the requirements as stated in the LOA or exchange with similar courses or better courses.

Syarikat **WAJIB** mematuhi segala syarat yang telah dinyatakan dalam LOA. Namun pertukaran jenis latihan yang sama atau lebih baik adalah dibenarkan.

21. What if the company cannot meet the commitment?

Apakah yang akan berlaku sekiranya syarikat tidak dapat memenuhi komitmen yang telah ditetapkan?

Companies **MUST** follow the requirements as stated in the LOA. Companies must determine their allocation upfront according to the needs and meet the agreed commitment.

Syarikat **WAJIB** mematuhi segala syarat yang telah dinyatakan dalam LOA. Syarikat perlu memastikan kemampuan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan bagi memastikan komitmen dapat dipenuhi.

22. Can the minimum salary include allowances?

Adakah gaji minima termasuk bayaran elaun?

It must be fixed allowance which should continue even after the 6-month duration.

Hanya elaun tetap boleh dikira yang mana ianya perlu dibayar secara berterusan walau sehingga selepas tamat tempoh enam (6) bulan.

23. Can the participants be terminated?

Adakah peserta boleh dipecat / dibuang dari program?

The termination process should be initiated and well-documented following the industrial practice, i.e. Domestic Inquiry (DI).

Proses pemecatan perlu mengikut garis panduan dan dokumentasi yang telah ditetapkan, misalnya Siasatan Dalaman.

24. Can I replace the participants if they resign or are terminated?

Bolehkah saya menggantikan peserta sekiranya mereka mengundurkan diri atau diberhentikan?

Participants who withdraw within 3 months of the programme implementation may be back filled for the remaining period of execution.

Pekerja yang menarik diri dalam tempoh 3 bulan dari pelaksanaan program, boleh diganti semula untuk baki tempoh pelaksanaan program.

25. Can the company bond the participants?

Adakah syarikat boleh mengikat perjanjian dengan peserta?

Yes. The employment contract is between the company and the participants. The requirements should follow the company's standard practice.

Boleh. Kontrak pengambilan pekerja adalah di antara pihak syarikat dan peserta yang mana segala syarat adalah tertakluk kepada undang-undang syarikat.

DURING REIMBURSEMENT

26. When can I start the claim process?

Bilakah saya boleh memulakan proses tuntutan bayaran?

Once you have hired, you can start to claim for 3 months advance payment for the number of participants hired.

Setelah syarikat mengambil pekerja, syarikat boleh memulakan tuntutan 3 bulan pendahuluan bagi bilangan pekerja yang telah diambil.

27. How frequently do I submit the claim?

Berapa kerap saya perlu mengemukakan tuntutan?

Once per quarter.

Sekali setiap suku tahun.

28. What is the claim process?

Apakah proses tuntutan?

Please key-in the information and upload relevant documents in the NCER System. The PENJANA Secretariat will review your submission and you will receive an email notification if your claim submission is approved. The payment will be made directly to your company account number.

Anda perlu memasukkan maklumat dan memuat naik dokumen-dokumen yang berkaitan ke dalam sistem NCER. Urusetia PENJANA akan menyemak dokumen dan anda akan menerima notifikasi e-mel sekiranya penyerahan tuntutan diluluskan. Pembayaran akan dibuat terus ke akaun syarikat anda.

29. What are the documents required for the reimbursement?

Apakah dokumen yang diperlukan semasa proses pembayaran balik (reimbursement)?

The disbursement requirements will be stated in the Letter of Approval. The documents are certified true copies of the participants' Identity Card, offer letter, the qualification certificate, salary slips, proof of attendance, the training appraisal and any other documents requested.

Syarat-syarat proses pembayaran balik adalah sepertimana yang terkandung di dalam Surat Kelulusan (Letter of Approval). Antara dokumen yang diperlukan adalah seperti salinan kad pengenalan, surat tawaran pekerjaan, sijil akademik, slip gaji, salinan kehadiran, borang penilaian latihan dan dokumen-dokumen lain yang telah diperakukan sah.

DURING MONITORING

30. What is expected during the monitoring period?

Apakah yang diperlukan semasa proses pemantauan?

NCIA will monitor the job placement of the participants upon completion of the 6 months period, disbursement process and final reports. NCIA might request other information which are relevant to monitor. NCIA might also conduct a visit to your company to meet with the participants.

NCIA akan memantau penempatan pekerjaan setelah tamat tempoh 6 bulan, proses bayaran tuntutan dan laporan akhir. NCIA mungkin akan minta maklumat lain yang berkaitan sebagai pemantauan. NCIA juga akan mengadakan lawatan ke syarikat anda untuk bertemu dengan para peserta.